

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN SARANAN

5.1. PENGENALAN

Dalam bab ini penulis akan membuat kesimpulan terhadap apa yang telah dikaji mengenai penggunaan *uslūb khabarī* dalam surah Yasin dan seterusnya mencadangkan beberapa saranan kepada pihak-pihak yang mempunyai kaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, khususnya pengajaran al-Quran dan bahasa Arab, mudah mudahan dengan saranan dan cadangan yang bakal dikemukakan ini dapat membantu semua pihak yang terlibat untuk mempertingkatkan usaha dalam menyebarkan ilmu Allah kepada jenerasi akan datang.

5.2 RUMUSAN

Surah Yasin merupakan salah satu surah yang perlu dikaji, di dalamnya terdapat pelbagai *uslūb* atau gaya bahasa yang digunakan untuk menyampaikan risalah yang diturunkan melalui jibril kepada umat manusia. Di sini penulis akan merumuskan tentang apa yang telah dibincangkan mengenai surah ini, sama ada mengenai isi kandungan atau *uslūb* yang digunakan.

5.2.1. Surah Yasin.

Surah Yasin merupakan jantung dan hati kepada kitab suci al-Quran. Di dalamnya terdapat pelbagai pengajaran yang sangat diperlukan oleh manusia. *Uslūb* yang disampaikan di dalamnya sangat indah dan bertepatan dengan maksud yang hendak disampaikan kepada pendengar. Di sebalik keindahan lafaz yang tersusun, tersirat makna yang dapat memimpin jiwa-jiwa yang memerlukan petunjuk daripada Allah. Pembukaan surah dengan dua huruf yang tidak mampu oleh akal manusia untuk membincangkannya iaitu huruf *yā'* dan *sīn*, sudah cukup untuk membuktikan bahawa al-Quran ini datang daripada Yang Maha Berkuasa. Ia telah membuahakan pelbagai pandangan dalam kalangan pakar bahasa Arab dan ahli Tafsir, di mana mereka telah membahaskan tentang pembacaan huruf awal pembukaan surah dan juga apakah pengertian huruf di awal surah seperti ini. Akal manusia hanya amat terbatas. *I'rab* dan pembacaan huruf *yā'* dan *sīn* juga telah mencabangkan pandangan ahli bahasa Arab, semuanya bertujuan mendapatkan makna sebenar bagi huruf pada awal surah, tetapi akhirnya mereka terpaksa akur, kerana ilmu yang dimiliki oleh manusia sangat terhad

Pentafsiran ayat-ayat dalam surah Yasin juga dilakukan oleh ulama' Tafsir mengikut pandangan dan hujah masing-masing. Aspek balaghah turut diperbincangkan oleh ahli bahasa Arab, terutamanya yang berkaitan dengan *uslūb* yang terkandung di dalamnya. Pemahaman tentang *uslūb khabarī* sangat membantu pembaca untuk memahami maksud sebenar kandungan ayat-ayat suci al-Quran .

Isi kandungan surah Yasin difokuskan kepada permasalahan aqidah, terutamanya berkaitan dengan kekuasaan Allah, kejadian manusia, kehidupan, kematian dan kebangkitan semula, balasan terhadap apa yang dilakukan di atas dunia dan sebagainya. Surah ini sangat banyak fadhilah dan kelebihan sebagaimana disebutkan dalam hadith nabi S.A.W. Ia boleh memberi syafaat dan menghapuskan dosa bagi sesiapa yang membaca dan mengamalkannya. Surah ini juga boleh dijadikan penawar dan ubat kepada segala penyakit sama ada penyakit zahir atau penyakit batin dengan keizinan Allah.

Terdapat beberapa buah hadith yang menerangkan tentang kelebihan surah Yasin. Walaupun semua hadith yang dikemukakan sebagai bukti kelebihan dan fadhilat surah ini adalah merupakan hadith tidak sahih, tetapi ia tidak menghalang untuk diambilkira sebagai galakan amalan-amalan kebajikan, apatah lagi membaca al-Quran dan mengamalkan ajaran-ajarannya itu jelas telah diterangkan oleh al-Quran, bahawa ianya adalah sangat perlu bagi umat Islam, apatah lagi beramal dengan surah yang merupakan hati dan jantung kepada kitab yang merupakan pedoman kepada manusia sejagat.

5.2.2. *Uslūb Khabarī*

Uslūb khabarī merupakan satu tajuk penting dalam ilmu *al-Ma‘anī*. Ia berperanan menyampaikan maksud apa yang hendak disampaikan. *Uslūb khabarī* terdiri daripada 3 bentuk iaitu, bentuk *ibtidā’i*, *ṭalabī* dan *’inkārī*. Bentuk *ibtidā’i* boleh dikenali melalui *jumlah ismiyyah* atau *jumlah fi’liyyah* yang tidak disertai dengan sebarang huruf *taukīd*. Bentuk *ṭalabī* pula adalah *jumlah* yang mengandungi satu *taukīd* sebagai penegasan kepada

berita yang ingin disampaikan kepada pendengar, manakala bentuk *inkārī* pula adalah terbentuk daripada *jumlah* yang mengandungi lebih dari satu *taukīd*.

Partikel atau huruf *taukīd* yang digunakan dalam ayat-ayat berbentuk *ṭalabī* dan *inkārī* adalah berbagai-bagai. Terdapat yang menggunakan huruf *taukīd*, ada juga yang menggunakan pengulangan perkataan dan juga pembentukan ayat yang berbentuk *taqdīm* dan *ta'khir*, kesemua ini boleh dikategorikan sebagai ayat *taukīd* yang bertujuan untuk menegaskan berita.

Tujuan penyampaian semua bentuk *uslūb khabarī* pada asalnya ialah untuk menyampaikan maklumat dan menguatkan kebenaran maklumat. Walau bagaimanapun terdapat tujuan lain di sebalik tujuan tersebut, antaranya ialah untuk menasihati, melahirkan sifat rahmat, menunjukkan kuasa, mengugut, memberi motivasi dan sebagainya.

Uslūb khabarī berbeza dengan *uslūb insyā'i* kerana *uslūb insyā'i* bertujuan untuk meminta melakukan sesuatu, manakala *uslūb khabarī* adalah untuk menyampaikan berita. Bentuk *uslūb insyā'i* mengandungi antaranya kata arahan dan larangan tetapi *uslūb khabarī* hanya berbentuk *jumlah khabariyyah* atau ayat penyata sahaja.

5.2.3. Penggunaan *Uslūb Khabarī* Dalam Surah Yasin.

Dalam surah Yasin terdapat ketiga-tiga jenis *uslūb khabarī* iaitu *ḍorbon ibtidā'ī*, *ḍorbon ṭalabī* dan *ḍorbon 'inkārī*.

Pengenalan *uslūb khabarī* dalam surah Yasin boleh dilihat melalui kaedah yang diterangkan dalam ilmu Balaghah, di mana bentuk *ibtidā'ī* boleh dilihat melalui sunyinya ayat itu daripada sebarang *taukīd* sebagaimana pada ayat 10, 15, 17, 19, 20, 22, 28, 32, 33, 34, 37, 38, 39, 40, 43, 44, 46, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 61, 63, 65, 68, 69, 70, 72 dan 73, bentuk *ṭalabī* dibentuk dengan satu *taukīd* yang dapat dilihat pada ayat 2, 8, 9, 11, 14, 18, 25, 41, 55, 60, 66, 67, 71, 76, 77 dan 82. Bentuk *'inkārī* pula dibentuk daripada lebih daripada satu *taukīd* dan boleh dilihat pada ayat 3, 7, 8, 12, 14, 16, 24 dan 62.

Tujuan penggunaan *uslūb khabarī* dalam surah Yasin bukan sahaja untuk menyampaikan berita kepada pendengar dan bukan sahaja untuk penegasan, tetapi adalah untuk pelbagai penggunaan lain menepati apa yang dibincangkan dalam ilmu. Di sini penulis membawa beberapa contoh, antara penggunaannya ialah untuk penafian iaitu penafian terhadap pemberian hidayat kepada golongan kafir sebagaimana yang terdapat dalam ayat 8. Selain itu, melahirkan penyesalan juga dapat dilihat melalui *uslūb khabarī*, kenyataan ini boleh dilihat pada ayat 11 di mana Allah S.W.T melahirkan penyesalan terhadap apa yang berlaku kepada nabi Muhammad S.A.W ketika beliau tidak dapat menyeru manusia ke jalanNya, Allah menerangkan dalam ayat tersebut bahawa

sesungguhnya hanya orang-orang yang menurut al-Quran dan takut kepada Allah sahaja yang patut diberi peringatan.

Uslūb khabarī juga digunakan untuk memberi peringatan dan menggalakkan melakukan amalan kebaikan, penggunaan untuk tujuan ini boleh dilihat pada ayat 12 di mana dalam ayat ini Allah memberi peringatan kepada manusia bahawa sesungguhnya kelak Dia akan menghidupkan orang yang sudah mati, dan mereka akan dihitungkan atas segala amalan yang dilakukan, oleh itu mereka digalakkan melakukan amalan kebajikan supaya mereka mendapat balasan dan ganjaran sebaiknya nanti.

Antara penggunaan lain seperti membuat pengakuan yang diterjemahkan melalui bentuk *ṭalabī* pada ayat 25 ketika seorang lelaki membuat pengakuan bahawa ia sesungguhnya mengaku akan keimanannya terhadap Allah S.W.T. Menggalakkan melakukan amalan kebajikan yang dapat dilihat pada ayat 55 ketika Allah memberitahu kepada manusia bahawa sesungguhnya ahli-ahli syurga itu sibuk menikmati pelbagai nikmat yang disediakan untuk mereka. Keterangan ini adalah untuk menggalakkan manusia berusaha lebih gigih dalam melakukan amalan kebajikan demi untuk mencapai syurga tersebut.

Uslūb khabarī juga digunakan untuk menerangkan sebab, sebagaimana dalam ayat 60 ketika Allah melarang manusia mengikuti syaitan, Dia menerangkan sebab tuntutan demikian kerana syaitan itu adalah musuh yang jelas bagi manusia إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Uslūb khabarī juga digunakan untuk memujuk iaitu dalam ayat 3 yang diturunkan dalam bentuk *inkārī* dengan menggunakan 2 partikel *taukīd* إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ

Untuk memberi nasihat iaitu pada ayat 24, apabila kita disuruh menyembah Allah dan tidak menyembah selainnya, kerana demikian itu adalah merupakan kesesatan yang amat besar sebagaimana dalam firman Allah: اِنِّي اِذَا اَلْفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ. Mengejek adalah antara tujuan penggunaan *uslūb khabarī* iaitu pada ayat 63 هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ . Menerangkan kebenaran nabi S.A.W boleh dilihat pada ayat 69-79-70 .

Melahirkan rahmat Allah terhadap hambanya melalui ayat 43, 44, 66, 67 di mana Allah tidak melakukan apa yang dikehendaki daripada azab dan seksaan kepada manusia, walaupun Dia mampu berbuat demikian. Untuk membuktikan kekuasaan Allah iaitu pada ayat-ayat dalam bentuk *ibtidā'ī* yang menggunakan sistem *taqdīm dan ta'khīr*, iaitu pada ayat 33, 37, 41, 71 dan ayat 72. Keempat-empat ayat itu didahulukan *khabar* dan dikemudiankan *mubtada'*, dan keempat-empat ayat itu menerangkan tentang kekuasaan Allah terhadap makhluknya. Selain itu terdapat ayat-ayat lain yang tidak menggunakan kaedah tadi tetapi masih menunjukkan kekuasaanNya seperti 34, 37, 38, 39, 40, 73.

Terdapat ayat-ayat yang berbentuk *uslūb khabarī* digunakan juga untuk menerangkan keadaan seperti dalam ayat 46 iaitu keadaan orang kafir apabila dibacakan ayat- ayatNya dan ayat 49-50 keadaan semasa manusia dibangkitkan dari kubur.

Terdapat banyak lagi penggunaan *uslūb khabarī* antaranya bukan sahaja digunakan untuk tujuan-tujuan yang disebutkan tadi, bahkan ia boleh menggantikan *uslūb insyā'i* sebagaimana yang terdapat dalam ayat

وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أُنذِرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْتَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

dan

إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ اتَّبَعَ الذِّكْرَ وَخَشِيَ الرَّحْمَنَ الْغَيْبَ فَبَشِّرْهُ بِمَغْفِرَةٍ وَأَجْرٍ كَرِيمٍ

Ayat pertama merupakan cerita mengenai persamaan antara golongan kafir yang diberi peringatan dan yang tidak diberi peringatan, bahawa mereka adalah sama kerana mereka tidak akan beriman. Ayat ini digunakan sebagai arahan supaya meninggalkan mereka. Manakala ayat kedua pula pada zahirnya menceritakan tentang orang yang taat dan mengikuti perintah Allah hanya dari kalangan orang yang yakin dan mengetahui bahawa Allah Maha Mengetahui apa yang dilakukan walaupun tidak dilihat oleh manusia atau sebaliknya. Ayat ini walaupun tidak berbentuk arahan, seolah-olah Allah menyuruh nabi terus menyampaikan dakwah tanpa berputus asa.

5.3 SARANAN

Di sini penulis ingin mengajukan beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu agar dakwah, pengajaran dan pembelajaran berdasarkan al-Quran lebih berkesan, antaranya saranannya ialah:

5.3.1 Saranan Kepada Para Pendakwah

Melalui kajian terhadap *uslūb khabarī* di dalam surah ini, penulis menyarankan kepada beberapa pihak supaya mengambil beberapa contoh yang dibentangkan dalam al-Quran untuk menyeru manusia kepada jalan yang benar, dengan melihat kepada beberapa aspek penting yang perlu diketahui dan dimiliki oleh seorang pendakwah, antaranya seperti berikut:

i. Mempunyai Ilmu

Dalam menyampaikan dakwah perlu memiliki ilmu pengetahuan seperti berikut:

- a. Ilmu pengetahuan, merangkumi segala ilmu dalam pelbagai bidang
- b. Mengetahui latar belakang orang yang diseru atau *mad'ū*. Dalam menyampaikan ilmu atau menyampaikan dakwah, pendakwah mesti mempunyai maklumat tentang latar belakang orang yang diseru, kerana

melihat kepada ayat-ayat al-Quran tadi terdapat pelbagai gaya bahasa yang digunakan untuk menyeru manusia yang berbeza-beza pengetahuan mereka, sekiranya pendakwah tidak menggunakan bahasa dan teknik yang betul mungkin sukar bagi pendengar untuk memahami dan menerima apa yang disampaikan.

- c. Ilmu tentang teknik berdakwah, kerana penggunaan teknik yang betul pada sasaran yang betul akan memberi kesan dalam menyampaikan dakwah.

ii. Usaha Yang Berlipatganda

Dalam berdakwah memerlukan usaha berganda, melihat kepada ayat-ayat *taukīd* yang digunakan dalam al-Quran memberi bukti yang jelas kepada kita, bahawa dalam berdakwah itu bukan hanya satu kali tetapi memerlukan usaha yang berterusan dan berpanjangan, firman Allah: *إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ*. Ayat ini digunakan 2 *taukīd* sebagai penegasan setelah orang kafir berkali-kali mengingkari kerasulannya. Ini jelas membuktikan bahawa dalam berdakwah memerlukan penegasan dan usaha yang berlipatganda untuk mencapai apa yang dikehendaki.

iii. Tidak Berputus Asa

Tidak boleh bagi seorang pendakwah itu berputus asa¹ kerana Allah berfirman dalam al-Quran:

وَلَا تَأْيِسُوا مِنَ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْيِسُ مِنَ رَحْمَةِ اللَّهِ إِلَّا الْكَافِرُونَ

Maksudnya: dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir.

Surah Yusuf (12) : 87

5.3.2 Saranan Kepada Pihak-Pihak Lain

Pembelajaran al-Quran harus dipertingkatkan dari masa ke semasa agar ianya dapat dijadikan tunjang dan tunggak kepada ilmu-ilmu lain, sebagai langkah dan nadi untuk mempertingkatkan dan melancarkan lagi perkembangan ilmu ini penulis ingin membuat cadangan dan saranan kepada pihak-pihak berikut:

- i. Pelajar
- ii. Pensyarah dan pengajar al-Quran
- ii. Pengkaji dan penyelidik
- iv. Jabatan
- v. Kementerian

¹ Abdullah Nasih 'Ulwān(tt), 'Uqūbāt Fī Tariq al-Du'āt, Kaherah: Dār al-Salām Li al-Tibā'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauzi' Wa al-Tarjamah, hal.231

i. Saranan Kepada Pelajar

Pelajar harus membaca dan mentelaah al-Quran di masa lapang, sambil membaca al-Quran di dalam bahasa Arab, mereka hendaklah memahami maksudnya tanpa memerlukan bantuan mana-mana terjemahan, dalam pada itu adalah diingatkan sekiranya memerlukan rujukan untuk memahami ayat yang tersirat maksudnya perlu dirujuk kepada kitab-kitab dan terjemahan yang boleh dipercayai, mereka juga perlu merujuk kebenaran sumber yang diperolehi sama ada berkaitan hukum-hakam, muamalah, akidah dan sebagainya dari al-Quran dan dalam buku-buku Tafsir yang tertulis dalam bahasa Arab, bukan dari terjemahannya, kerana sumber yang berbentuk terjemahan kemungkinan terdapat beberapa kesilapan sama ada yang disengajakan atau sebaliknya.

Para pelajar perlu mahir dalam bidang bahasa Arab sama ada dalam bentuk Nahu, Sarf dan Balaghah kerana dalam al-Quran terdapat ayat yang tidak dapat difahami maksudnya tanpa bantuan kaedah-kaedah ilmu tersebut.

ii. Saranan Kepada Pensyarah Dan Pengajar Al-Quran

Fokus dalam pengajaran al-Quran bukan sahaja terhadap isi kandungan yang terdapat pada zahir ayat tetapi perlu mengajar secara terperinci, memberi tumpuan terhadap makna perkataan dan perbezaan antara satu ayat dengan yang lain yang sama lafaznya. Pensyarah mesti mahir dalam ilmu Tafsir dan bahasa Arab.

iii. **Saranan Kepada Pengkaji Al-Quran**

Seorang penafsir harus menguasai pelbagai ilmu-ilmu antaranya:

- a. Ilmu bahasa Arab sebab hanya dengan ilmu ini erti dan maksud perkataan dapat diketahui.
- b. Ilmu Nahu kerana erti sesuatu perkataan selalu berubah dan berbeza-beza menurut perbezaan kedudukannya di dalam struktur ayat.
- c. Ilmu Taṣīif atau Ṣarf kerana dengan ilmu ini bentuk kosakata dan kalimat dapat diketahui.
- d. Ilmu al-Isytiqāq (asal usul perkataan) sebab sesuatu perkataan mempunyai makna yang berbeza-beza apabila pengambilannya berasal dari dua akar kata yang berbeza.
- e. Ilmu al-Ma'ānī kerana dengan ilmu ini ciri-ciri struktur kalimat dapat diketahui dari segi indikasi maknanya.
- f. Ilmu al-Bayān kerana dengan ilmu ini ciri-ciri struktur kalimat dapat diketahui dari segi perbezaannya berdasarkan kejelasan dan ketidakjelasan indikasinya.

- g. Ilmu al-Badi' kerana dengan ilmu ini keindahan kalimat dapat diketahui.
- h. Memperhatikan *asbāb al-Nuzūl* kerana ia penting dalam memahami dan menafsirkan al-Quran.

iv. Saranan Kepada Jabatan

Memandangkan kaitan al-Quran dan bahasa Arab, Jabatan perlu mewujudkan satu kursus yang membincangkan secara khusus tentang keindahan bahasa al-Quran sama ada al-Bayān, al-Badī' atau al-Ma'ānī supaya pelajar dapat melihat betapa indahnya bahasa al-Quran, Kursus Bahasa Arab seperti Nahu dan Sarf juga perlu diajarkan kepada pelajar, kerana ia amat penting untuk mengetahui sesuatu kosakata yang selalu berubah-ubah mengikut perbezaan statusnya di dalam struktur kalimat, Kedua-dua ilmu ini amat penting dalam membantu pelajar memahami bahasa Arab dan seterusnya memahami bahasa al-Quran secara keseluruhan tanpa bantuan terjemahan.

v. Saranan Kepada Kementerian Pelajaran

Bukan hanya individu tertentu yang perlu mengambil langkah dan bertanggungjawab untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Kementierian, khasnya Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang bertanggungjawab secara langsung perlu sama-sama mengambil tindakan proaktif dalam

merangka dasar dan stratigi dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran al-Quran dengan mengambil kira beberapa aspek seperti berikut:

a. Sukatan

Kementerian perlu menyediakan sukatan bahasa Arab dan al-Quran yang sesuai dengan pelajar Melayu supaya mereka memahaminya dengan baik, sukatan juga harus sesuai dengan peringkat umur pelajar dan selaras dengan sukatan matapelajaran akademik, sebagai contoh sekiranya dalam subjek sains mereka mempelajari tentang binatang, maka dalam Pendidikan Islam juga perlu berkaitan binatang supaya pelajar lebih mengenali ciptaan Allah melalui apa yang mereka pelajari.

b. Teknik

Teknik tradisi dalam pengajaran al-Quran dan bahasa Arab tidak relevan untuk masa kini, walaupun penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang berbentuk visual dan careka padat (cd) telah diperkenalkan tetapi penggunaannya di kalangan guru terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar masih tidak berleluasa. Kursus dan galakan menggunakan teknik-teknik baru menggunakan ICT dalam pengajaran bahasa Arab dan al-Quran perlu dipertingkatkan agar pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan dan boleh menyuntik semangat ingin belajar dalam kalangan pelajar.

c. Guru

Berbalik kepada pengajaran pendidikan Islam, guru merupakan unsur terpenting dalam membina sahsiah dan juga kemahiran pelajar. Contohnya, dalam kemahiran membaca al-Quran, kebolehan dan keelokan bacaan pelajar ialah bergantung kepada bagaimana guru membaca sebagai bacaan contoh kepada mereka. Jika bacaan guru baik dari segi *makhrāj* dan *sifat huruf*, panjang pendek, dengung dan lagunya, maka bacaan pelajar juga akan turut baik. Demikian juga sebaliknya, pelajar tidak akan dapat membaca dengan baik jika tidak ada contoh bacaan yang baik daripada guru. Pemilihan guru yang betul-betul mahir dalam ilmu al-Quran akan membantu dalam meningkatkan kualiti pengajaran al-Quran. Kementerian juga perlu mengimbangkan bilangan guru dan pelajar supaya pengajaran dan pembelajaran lebih efektif kerana belajar al-Quran bukan sahaja secara teori tetapi memerlukan praktikal dan pengawasan guru secara individu.

d. Pelajar

Kementerian perlu menjadikan subjek Pendidikan Islam dan Bahasa Arab sebagai subjek teras yang wajib diambil oleh semua pelajar beragama Islam di kedua-dua peringkat Sekolah Rendah dan Menengah kerana Pendidikan Islam dan Bahasa Arab terutamanya al-Quran merupakan teras dalam mendidik jiwa dan rohani, dan merupakan salah satu cara yang paling berkesan untuk mencegah masalah sosial dalam masyarakat daripada terus berleluasa, seterusnya dapat melahirkan pelajar yang berpotensi dan berketerampilan unggul .

5..4 PENUTUP

Mudah-mudahan dengan kajian ini dapat membantu pengkaji, pengajar mahupun pendakwah memahami aspek–aspek penting dalam menggunakan bahasa untuk mencapai maksud sebenar yang hendak disampaikan, dan dapat digunakan untuk menyeru manusia ke jalan yang benar.

Apa yang menjadi kewajiban manusia adalah untuk berpegang teguh pada kitab suci al-Quran al-Karim yang diturunkan oleh Allah S.W.T, dan menerimanya sebagai satu-satunya petunjuk hidup. Dalam salah satu ayat, Allah menyeru:

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: Dan al-Quran itu adalah kitab yang Kami turunkan yang diberkati, maka ikutilah dia dan bertakwalah agar kamu diberi rahmat.

Surah al-An‘ām (6) : 155

Dalam beberapa ayat-Nya yang lain, Allah menegaskan:

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ ۖ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُكْفُرْ

Maksudnya: Dan katakanlah: "Kebenaran itu datangnya dari Tuhanmu; maka barangsiapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman, dan barangsiapa yang ingin (kafir) biarlah ia kafir.

Surah al-Kahf (18) : 29

كَلَّا إِنَّهَا تَذِكْرَةٌ ﴿١١﴾ فَمَنْ شَاءَ ذَكَرْهُ

Maksudnya: Sekali-kali jangan (demikian) Sesungguhnya ajaran-ajaran Tuhan itu adalah suatu peringatan, maka barangsiapa yang menghendaki, tentulah ia memperhatikannya.

Surah ‘Abasa (80) : 11-12

Dan akhir sekali, kita perlu ingat bahawa hakikat yang tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang dipilih oleh Allah S.W.T. sebagai bahasa al-Quran. Disebabkan sumber utama Islam tertulis dalam bahasa Arab, maka wajarlah bahasa ini dijamin terpelihara keutuhannya hingga ke akhir zaman. Firman Allah dalam al-Quran

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah turunkan al-Quran dan kami akan memeliharanya

Surah al-Hijr (8) : 9